

Sebanyak 385 lokasi risiko banjir dikenal pasti


KUANTAN - Jawatankuasa Bencana Negeri Pahang mengenal pasti sebanyak 385 lokasi berisiko dilanda banjir di negeri ini menjelang musim tengkujuh pertengahan November depan.

Pengerusinya, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail berkata, pemantauan secara berkala akan dilakukan di lokasi berkenaan dengan bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang dan agensi berkaitan.

Menurutnya, berdasarkan laporan daripada Jabatan Meteorologi, hujan lebat dijangka mula melanda Pahang pada 15 November depan dan ia akan berterusan sehingga 15 Disember.

"JBPM Pahang dan agensi berkaitan akan melakukan pemantauan di semua lokasi yang sudah dikenal pasti bakal dilanda banjir termasuklah 118 lokasi berisiko mengalami tanah runtuh.

"Selain itu, barangan makanan dan keperluan asas lain akan diedarkan ke 107 pangkalan hadapan di negeri ini bermula 7 November ini dan



Muhammad Safian menunjukkan buku laporan persediaan banjir pada mesyuarat tersebut.

proses pengagihan akan selesai sebelum 15 November," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negeri Pahang di Wisma Persekutuan, semalam.

Muhammad Safian berkata, kerajaan negeri menyediakan 666 pusat pemindahan banjir di seluruh negeri yang mampu memuatkan 165,650 penduduk terjejas banjir.

"Kita jangka banjir tahun

ini tidak seteruk tahun 2013 atau 2014 tetapi jika teruk, kerajaan negeri sedia untuk menambahkan jumlah pusat pemindahan.

"Buat masa ini, semua kerja naik taraf dan membersihkan longkang atau saluran di seluruh Pahang juga sudah 90 peratus siap," katanya sekali gus memberitahu, fenomena air pasang besar di negeri ini dijangka berlaku pertengahan November dan Disember.